



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

SIARAN AKHBAR

SISTEM PAS KELUAR/MASUK KENDERAAN SECARA ONLINE (VES)

Sebagai usaha berterusan bagi mempertingkatkan pemberian perkhidmatan kepada para pedagang dan orang ramai, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja memaklumkan mengenai pelaksanaan inisiatif permohonan mendapatkan kebenaran keluar/masuk kenderaan secara online (*Vehicle Exit/Entry System*) atau VES.

Brunei Darussalam's National Single Window (BDNSW)

Welcome to Brunei Darussalam's National Single Window (BDNSW) for Trade Facilitation. BDNSW is a Common Online platform (ELECTRONIC SINGLE WINDOW) for electronic exchange and submission of trade information and documents by business and public to the controlling agencies. Multiple trade application are consolidated into single application and submitted

Smart Form Application → System Clearance → Approval Support (Export/Import) → Permit Enforcement → Submit Customs Declaration → Declaration Processing

BDNSW
BRUNEI DARUSSALAM
National Single Window

BDNSW
BRUNEI DARUSSALAM
National Single Window

Pay a BDNSW


Brunei e-Customs
Click here

VES
VEHICLE PASS
PERMOHONAN KELUAR/MASUK KENDERAAN
VEHICLE EXIT/ENTRY APPLICATION

BDNSW
BRUNEI DARUSSALAM

Permohonan Pas VES boleh dibuat secara *online* dengan melayari Laman portal BDNSW di www.bdnsw.gov.bn

Sistem ini akan memudahcara dan mempercepat proses memohon kebenaran membawa kenderaan melepasi sempadan melalui Pos-Pos Kawalan dengan membuat permohonan secara *online* melalui portal JKED di alamat www.bdnsw.gov.bn yang dapat diakses dimana-mana dan bila-bila masa sahaja. Pelaksanaan sistem VES ini akan menggantikan sistem *manual* menggunakan borang yang digunapakai pada masa ini. Ini diharapkan dapat mengurangkan kesesakan di Pos-Pos Kawalan bagi tujuan mengisi borang kenderaan. Sehubungan dengan penggunaan sistem itu nanti, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga akan memperkenalkan sistem *QR code* untuk mengimbas (*scan*) pas VES yang setentunya akan dapat mengurangkan masa menunggu dan masa bagi memasukkan data ke dalam sistem.



VES PAS SEMENTARA KELUAR/MASUK KENDERAAN VEHICLE TEMPORARY EXIT/ENTRY PASS	
No Pendaftaran/ Registration No	B5999
Jenis/ Type	NISSAN PATROL 3.0 DI GRX
No Enjin/ Engine	ZD30167823
No Rangka/ Chassis No	JN1TSY6120543504
Tempoh Sah/ Validity Period	26/09/2017
Insurans Tarikh Mansuh/ Insurance Expiry Date	03/10/2018
Kategori Kenderaan/ Vehicle Category	PRIVATE
Negara Didaftarkan/ Country of Registration	Brunei

Print Vehicle Pass

Contoh Pas VES yang mengandungi *QR code* yang akan mula digunakan

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja menyeru orang ramai untuk menggunakan sistem *online* tersebut dan mendapatkan pas VES terlebih dahulu sebelum membuat urusan merentas sempadan dengan mendaftarkan kenderaan masing-masing melalui sistem VES secara *online* lebih awal sebelum tarikh dan waktu perjalanan/urusan.

Disamping itu, orang ramai iaitu pemilik-pemilik kenderaan adalah digalakkan untuk mengemaskini maklumat email di dalam Sistem Pengangkutan Darat (SPD) bagi membolehkan notifikasi akan dihantar kepada pemilik kenderaan setiap kali kenderaan tersebut didaftarkan di dalam sistem VES.

Pas VES itu juga boleh disimpan dalam format digital dan dimuat naik ke dalam telefon pintar, tablet dan sebagainya atau dicetak ke atas kertas mengikut pilihan masing-

masing. Para pengguna hendaklah mengimbas pas VES di mesin pengimbas yang disediakan di Pos-Pos Kawalan.

Tempoh sah laku pas VES ialah selama 3 bulan bermula tarikh pendaftaran.

Untuk keterangan lanjut mengenai sistem VES, orang awam boleh melayari laman sesawang www.tradingacrossborders.gov.bn atau hubungi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di talian 2382361 semasa waktu pejabat atau emel kepada info@customs.gov.bn

Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 12 Syaaban 1439
28 April 2018

